

**SEBAHAGIAN peserta diberi penerangan oleh kakitangan Jabatan Hutan mengenai spesies pokok ketika menyertai JRR di Jertih, Besut baru-baru ini.**

# Pelajar sertai Jambori Renjer Sungai

**PENDEDAHAN.** Sebanyak 150 pelajar dan kakitangan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) seluruh negara menyertai Jambori Renjer Sungai Ranger (JRR) peringkat kebangsaan selama tiga hari bermula 22 hingga 24 September lalu di pinggiran Sungai Jerteh, Besut.

Penyelaras JRR, Md. Said Dikon berkata, pelbagai aktiviti diatur pada program berkenaan bertujuan mendidik generasi muda tentang kepentingan penjagaan alam sekitar terutama kawasan sungai.

"Pada hari pertama, peserta didedahkan kepada ceramah kesedaran dan motivasi berkaitan isu sungai dan alam sekitar selain penerangan oleh Jabatan Hutan Semenanjung Malaysia," ujarnya.